

Bahagian A
[20 markah]
Jawab **semua** soalan.

Soalan 1 hingga soalan 4

Gariskan istilah yang **betul** bagi pernyataan berikut berdasarkan pilihan jawapan di bawah.

No	Pernyataan	Pilihan Jawapan
1	Kesungguhan dalam melakukan sesuatu ibadah dan pekerjaan semata-mata kerana Allah SWT.	Islam / Iman / Ihsan
2	Keyakinan yang teguh terhadap kewujudan Allah SWT serta sifat-sifat kesempurnaanNya berdasarkan dalil naqli dan aqli.	Akidah / Ibadah / Akhlak
3	Kesalahan dan hukuman mengikut ketetapan syarak yang wajib dilaksanakan bagi menunaikan hak manusia yang dizalimi secara fizikal.	Hudud / Qisas / Takzir
4	Satu kegiatan yang dilakukan bagi mendapatkan sumber pendapatan dan memiliki harta dengan cara yang halal.	Pekerjaan / Muamalat / Pemilikan harta

[4 markah]

Soalan 5 hingga soalan 8

Lengkapkan pernyataan berikut dengan pilihan jawapan yang **betul**.

enam bulan	ar-rahn	40 kali	wasiat
illah	80 kali	empat bulan	ilahiyyah

- 5 Allah SWT meniupkan roh ke dalam tubuh janin yang berumur
- 6 Al-Qias ialah menyamakan sesuatu hukum yang tiada nasnya dengan sesuatu hukum yang ada nasnya disebabkan adanya persamaan hukum.
- 7 Allah SWT telah menetapkan cara pemilikan yang sah seperti jual beli dan serta mengharamkan riba.
- 8 Hukuman bagi kesalahan qazaf ialah sebatan kepada seseorang individu yang menuduh orang yang baik melakukan zina tanpa membawa empat orang saksi.

[4 markah]

Soalan 9 hingga soalan 12

Lengkapkan jadual di bawah dengan jawapan yang *betul*.

Peringkat alam yang dilalui oleh manusia	
Jawapan	Pernyataan
S	Alam yang dirahsiakan oleh Allah SWT di mana manusia berikrar dan mengakui akan keesaanNya.
T	Alam yang ditiupkan roh, ditetapkan ajal, rezeki dan amalannya.

9 S ialah

10 T ialah

[2 markah]

Jenis Institusi Kewangan Islam	
Jawapan	Pernyataan
U	Institusi yang ditugaskan untuk mengutip dan mengagihkan harta secara efisien dan adil kepada golongan asnaf.
V	Menerima pelbagai sumber kewangan dan harta secara terkumpul oleh negara seperti zakat, harta wakaf, cukai dan lain-lain.

11 U ialah

12 V ialah

[2 markah]

Soalan 13 dan soalan 14

Lengkapkan carta di bawah dengan jawapan yang *betul*.




13 W ialah

14 X ialah

[2 markah]

Soalan 15 dan soalan 16

Lengkapkan carta di bawah dengan jawapan yang *betul*.



15 Y ialah

16 Z ialah

[2 markah]

Soalan 17 hingga soalan 20

Tandakan (✓) pada pernyataan yang betul dan (X) pada pernyataan yang salah.

- 17 Rukun Iman menghubungkan makhluk dengan Allah SWT dari sudut kepercayaan, keyakinan bersumberkan wahyu dan adat tradisi. ☐
- 18 Solat fardu merupakan satu kewajipan yang tidak boleh ditinggalkan walaupun dalam keadaan sakit dan darurat. ☐
- 19 Seorang usahawan berpendapat bahawa akad al-Mudarabah melibatkan perkongsian modal dan kerugian secara sama rata antara semua pihak yang terlibat. ☐
- 20 Menyebarluas ilmu dan kefahaman tentang institusi kehakiman Islam kepada masyarakat melalui seminar, kempen atau penerangan media sosial merupakan tindakan memartabatkan institusi perundangan Islam. ☐

[4 markah]

Bahagian B

[80 markah]

Jawab empat soalan pada bahagian ini.

1. (a) (i) Nyatakan maksud Islam sebagai al-Din.

.....

.....

.....

- (ii) Jelaskan sebab manusia perlu menjadikan Islam sebagai cara hidup?

[2 markah]

.....

.....

.....

- (b) (i)



[2 markah]

Bagaimanakah amalan mulia di atas dapat meneguhkan perpaduan masyarakat?

.....

.....

.....

- (b) (ii) Bincangkan tindakan yang boleh dilakukan agar amalan di atas mendapat sambutan segenap lapisan masyarakat.

[2 markah]

.....

.....

.....

.....

.....

[4 markah]

(c)

“Padahal Allah telah menghalalkan jual beli dan mengharamkan riba”

Surah al-Baqarah 2:275

Berdasarkan ayat di atas, terangkan **dua** cara anda memperoleh dan memiliki harta mengikut tuntutan Islam.

.....

.....

.....

.....

[4 markah]

(d) Nyatakan **dua** ciri muamalat Islam.

.....

.....

.....

[2 markah]

(e) Jelaskan **dua** prinsip muamalat Islam .

.....

.....

.....

.....

[4 markah]

2. (a) Nyatakan **dua** tujuan penciptaan manusia.

.....

.....

.....

[2 markah]

(b) Jiran anda telah ditimpa musibah kematian.
Terangkan **dua** cara anda dapat membantu jiran tersebut.

.....

.....

.....

.....

[4 markah]



(c)

“Katakanlah, “Apakah sama orang yang buta dengan orang yang melihat? Apakah kamu tidak memikirkan(nya)?”

Surah al An’am :50

Ayat di atas menuntut manusia agar menggunakan akal untuk berfikir.

Huraikan **dua** kesan jika kita tidak menggunakan panduan ayat di atas dalam kehidupan seharian

.....

.....

.....

.....

[4 markah]

(d) Terangkan **dua** keunggulan perundangan Islam.

.....

.....

.....

.....

[4 markah]

(e) (i)

Hakim hendaklah jujur ketika bertugas seperti tidak menerima rasuah.

Berdasarkan situasi di atas jelaskan mengapa hakim perlu menjauhi perkara tersebut.

.....

.....

.....

.....

[2 markah]

- (ii) Ramalkan apakah yang akan berlaku terhadap masyarakat sekiranya hakim mengabaikan perkara di atas.

.....

.....

.....

.....

.....

[4 markah]

3. (a) Sebagai seorang pelajar, kemukakan **dua** tindakan yang boleh anda lakukan untuk mengamalkan hak kebebasan bersuara di sekolah.

.....

.....

.....

.....

[4 markah]

- (b) (i)

Seorang rakan anda kehilangan punca pendapatan selepas ayahnya terlibat dalam kemalangan dan menghadapi kesukaran untuk menampung perbelanjaan keluarganya.

Bagaimanakah anda dapat membantunya menyelesaikan masalah di atas berdasarkan sistem sosial Islam?

.....

.....

.....

[2 markah]

- (ii) Wajarkah masyarakat mengabaikan rakan anda yang menghadapi kesusahan seperti dalam situasi di atas? Berikan alasan anda.

.....

.....

.....

[4 markah]

- (c) Jelaskan **dua** ciri pentadbiran dan pengurusan Islam.

.....

.....

.....

.....

.....

- (d)

[4 markah]



Berdasarkan gambar di atas, kemukakan **dua** tindakan yang boleh anda lakukan di sekolah untuk membuktikan semangat cintakan tanah air.

.....

.....

.....

.....

[4 markah]

- (e) Nyatakan **dua** usaha yang boleh dilakukan oleh rakyat bagi mengekalkan kestabilan negara.

.....

.....

.....

.....

[2 markah]



4. (a) Apakah maksud alamiyyah.

.....
.....

- (b) Terangkan **dua** ciri alamiyyah.

[2 markah]

.....
.....
.....
.....

- (c)

[4 markah]

Seorang majikan memberikan layanan yang sama rata kepada semua pekerjaanya tanpa mengira bangsa dan agama.

Berdasarkan situasi di atas, terangkan **dua** perbuatan yang menunjukkan ciri-ciri Alamiyyah yang diamalkan oleh majikan tersebut.

.....
.....
.....
.....

- (d) Terangkan **dua** asas sistem ekonomi Islam.

[4 markah]

.....
.....
.....
.....

- (e) (i)

[4 markah]

Sebuah kawasan perumahan menghadapi peningkatan kes kecurian dan penipuan. Hasil siasatan mendapati kebanyakan pelaku tidak mempunyai pekerjaan tetap dan menghadapi masalah kewangan.

Berdasarkan situasi di atas, nyatakan **dua** implikasinya terhadap masyarakat.

.....
.....

[2 markah]

- (ii) Sebagai seorang pelajar, kemukakan cadangan anda agar permasalahan tersebut dapat diatasi.

.....

.....

.....

.....

.....

.....

[4 markah]

5. (a) Jelaskan **dua** ciri akal .

.....

.....

.....

.....

[4 markah]

Al-Quran berperanan sebagai pemisah antara hak dan batil.

- (b) (i) Nyatakan **dua** contoh perbuatan yang menyalahi al-quran ketika belajar di sekolah.

.....

.....

.....

[2 markah]

- (ii) Bagaimana al-Quran berperanan menyelesaikan permasalahan tersebut.

.....

.....

.....

.....

.....

[4 markah]

- (c) Terangkan **dua** matlamat sistem kehakiman Islam.

.....

.....

.....

.....

[4 markah]

- (d) Nyatakan prosedur keterangan untuk mensabitkan kesalahan daripada aspek pengakuan .

.....

.....

[2 markah]

- (e)

KUALA LUMPUR: Kecurian kabel sepanjang 100 meter (m) di KM95.8 antara Sungai Siput dan Kamunting, Perak menyebabkan gangguan sistem semboyan sekali gus menjejaskan operasi tren di sektor utara, hari ini.

Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB) memaklumkan kejadian itu dikesan polis bantuan KTMB pada awal pagi tadi selepas melakukan pemeriksaan di lokasi kejadian.

sumber : Berita Harian online

Huraikan **dua** saranan yang boleh anda kemukakan bagi menyelesaikan permasalahan di atas.

.....

.....

.....

.....

.....

[4 markah]



6. (a) Nyatakan **dua** adab dalam berhibur menurut Islam.

.....

.....

.....

[2 markah]

- (b)

Islam mengharuskan umatnya berhibur dengan mematuhi adab dan etika berhibur menurut syariat.

Terangkan **dua** kepentingan mematuhi perkara di atas.

.....

.....

.....

.....

[4 markah]

- (c) Jelaskan **dua** contoh hiburan yang berlandaskan syariat Islam

.....

.....

.....

.....

[4 markah]

- (d) (i)

“Seorang pemimpin yang mengabaikan kebajikan rakyat dan hanya mengutamakan kepentingan peribadi telah merosakkan konsep khilafah yang sebenar.”

Terangkan kesan yang akan berlaku kepada negara jika pengabaian perkara di atas terus berlaku.

.....

.....

.....

.....

.....

[2 markah]



- (ii) Berdasarkan pernyataan di atas, mengapakah seorang pemimpin perlu menjauhi perkara tersebut?

.....

.....

.....

.....

.....

[4 markah]

- (e) Terangkan **dua** etika tadbir urus dalam Islam.

.....

.....

.....

.....

.....

[4 markah]

KERTAS SOALAN TAMAT